



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Taklimat Sebut harga
SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN LANGGANAN/LESEN PERISIAN SISTEM DATA ANALISIS DAN ANALISIS MEDIA SOSIAL BERNAMA NO. RUJUKAN : BER/SH/08/2023	210104	18 April 2023 (Selasa) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	10 April 2023 (Isnin) Kehadiran digalakkan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **10 April 2023 (Isnin)** pada waktu taklimat.

Satu sesi **taklimat akan diadakan secara atas talian dan penyertaan adalah digalakkan**. Syarikat yang ingin menyertai taklimat perlu kemukakan Borang Pengesahan Kehadiran (**Borang Kehadiran Taklimat**) dan dimelarkan kepada Urus Setia selewat lewatnya pada **10 April 2023 (Isnin)**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 10 April 2023 (Isnin)
 Masa : 10.00 pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat juga wajib mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif sebelum menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan/atau wakil perwakilan kuasa (**Surat perwakilan kuasa**) yang diturunkan oleh penama yang berdaftar yang sah sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat.

Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, boleh mendapatkan dokumen sebut harga dengan membuat permohonan melalui emel kepada Urus Setia perolehan untuk mendapatkan salinan asal dokumen sebut harga.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara manual ke dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari 18 April 2023 (Selasa)** di alamat seperti berikut:

**Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1278
E-mel : syuhadahamin@bernama.com**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebut harga bolehlah berhubung secara bertulis melalui surat rasmi atau emel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.